

KEDATANGAN KELOMPOK-KELOMPOK ETNIK INDONESIA KE TANAH MELAYU DAN PENYESUAIAN MEREKA KE DALAM MASYARAKAT DAN BUDAYA MELAYU

MOHD. ARIS HJ. OTHMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tujuan makalah ini ialah untuk melihat kesan kedatangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ke Tanah Melayu dan bagaimana mereka menyesuaikan diri ke dalam masyarakat dan budaya Melayu.

Kelompok-kelompok etnik Indonesia yang disentuh dalam kertas ini ialah kelompok-kelompok etnik yang terbesar sahaja seperti Jawa, Minangkabau, Banjar, Bugis, Boyan, Mandailing dan sebagainya manakala penyesuaian mereka dilihat dalam kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti di negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.

Mengikut Banci Penduduk 1970, kelompok-kelompok etnik Indonesia adalah digolongkan sebagai Melayu dan mereka tidak dikenali mengikut kelompok-kelompok etnik tertentu seperti Jawa, Minangkabau, Bugis, Banjar, Boyan dan sebagainya. Dengan itu sukarlah hendak menentukan bilangan orang-orang Indonesia ini mengikut kelompok-kelompok etnik yang tertentu. Perlu diingat bahawa untuk tujuan-tujuan banci, kerajaan hanya mengiktiraf empat golongan penduduk iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.² Dengan ini jelaslah bahawa orang-orang Indonesia digolongkan sebagai Melayu.

Mengikut Banci tahun 1947, kelompok-kelompok etnik Jawa dan Banjar adalah merupakan kelompok-kelompok etnik Indonesia yang terbesar sekali jumlahnya. Daripada jumlah 309, 150 orang-orang Indonesia yang telah berhijrah ke Tanah Melayu, 189, 400 adalah terdiri daripada orang-orang Jawa manakala 62,400 adalah terdiri daripada orang-orang Banjar. Yang lain-lain adalah terdiri daripada orang-orang Sumatra seramai 26,300, Boyan 20,400 dan Bugis seramai 7,000 orang. Tidak terdapat angka-angka mengenai orang Mandailing tetapi mereka dipercayai kedua terbesar dari segi bilangan orang-orang Sumatra di Tanah Melayu. Orang-orang Korinchi yang berjumlah 2,400 adalah terdiri daripada kelompok-kelompok etnik dari Aceh, Palembang dan Jambi. Lebih 75% daripada orang-orang Boyan yang berjumlah 20,429 mengikut Banci 1947, adalah tertumpu di Pulau Singapura. Orang-orang Bugis adalah yang kelima paling banyak dari segi jumlah orang-orang Indonesia di Tanah Melayu dan kebanyakannya daripada mereka adalah tertumpu dalam bidang pertanian.

Bukti-bukti menunjukkan bahawa kedatangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ke Tanah Melayu adalah untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan di lombong-lombong bijih dan ladang-ladang getah. Orang-orang Jawa yang kebanyakannya berasal dari bahagian tengah dan timur tanah Jawa serta lain-lain tempat seperti Sunda dan Madura adalah tertarik untuk menjadi

pesawah-pesawah atau pekebun-pekebun kecil kelapa atau getah. Ada juga yang menjadi pekerja-pekerja kontrak di ladang-ladang getah sebelum membeli kebun-kebun mereka sendiri.³

Orang-orang Minangkabau yang merupakan 40% daripada keseluruhan orang-orang Sumatra lebih tertarik untuk bekerja di lombong-lombong bijih seperti di negeri Selangor. Membijih secara kecil-kecilan ini adalah dilakukan dengan cara lampau. Mereka membuka perkampungan mereka di sekitar kawasan-kawasan lombong ini. Orang-orang Mandailing serta lain-lain kelompok etnik dari Sumatra juga bergiat dalam penanaman padi dan sebagai pekebun kecil getah. Mereka menanam tanaman-tanaman seperti gambir, tembakau, lada hitam dan kopi. Terdapat juga kelompok-kelompok etnik seperti Korinchi serta lain-lain kelompok etnik dari Palembang. Apa yang jelas ialah kelompok-kelompok etnik dari Indonesia ini cuba membina perkampungan sesama mereka seperti di kawasan Hulu Langat, Selangor (T. Shamsul 1964:74).

Kelompok-kelompok etnik Banjar yang merupakan 20% daripada orang-orang Indonesia mengikut Banci 1947 adalah merupakan kelompok etnik yang berpegang teguh kepada ugama Islam. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada pesawah-pesawah di kawasan-kawasan penanaman padi. Selain daripada menjadi pesawah-pesawah mereka juga merupakan pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa. Terdapat juga di kalangan mereka yang menjadi pekerja di ladang-ladang getah.

Orang-orang Boyan pula lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar. Seperti yang telah dikatakan dahulu kebanyakan daripada mereka tertumpu di Pulau Singapura. Di Semenanjung Tanah Melayu mereka menduduki kawasan-kawasan bandar seperti di Melaka, Johor Baharu dan Kota Tinggi. Mereka bekerja sebagai tukang kebun, pemandu atau sebagai pelatih dan penunggang kuda.⁴

Orang-orang Bugis pula adalah merupakan kelompok etnik yang kelima besarnya dari segi jumlah. Mereka berhijrah ke Tanah Melayu dari Sulawesi Selatan. Kebanyakan daripada mereka tertumpu dalam bidang pertanian.⁵

Satu perkara yang agak menarik ialah di kalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ini terdapat semacam jenis pemisahan dari segi kawasan kediaman di kalangan mereka. Satu kajian di Lembah Hulu Langat, Selangor, Misalnya memperlihatkan gejala ini. Mengikut kajian T. Shamsul pada tahun 1964 pola-pola pemisahan ini dapat diperhatikan seperti di bawah:

<i>Kampung</i>	<i>Kumpulan dialek</i>
Bukit Raya	Minangkabau
Sungai Serai	Minangkabau
Lubok Kelubi	Minangkabau
Dusun Nanding	Mandailing
Hulu Langat	Mandailing
Kampung Rantau Panjang	Mandailing

Dusun Tua	Mandailing
Kuala Perdek	Mandailing
Kampung Sungai Gahal	Korinchi
Kampung Kuala Ponson	Korinchi
Kampung Sungai Lui	Korinchi
Kampung Jawa	Jawa

Pemisahan antara orang-orang Melayu dan kelompok-kelompok etnik Indonesia juga agak jelas di setengah-setengah tempat. Di kawasan-kawasan di mana terdapat orang-orang Melayu dan Banjar, ada kecenderungan bagi orang-orang Melayu untuk menduduki kawasan-kawasan yang berhampiran dengan jalan-jalan raya manakala orang-orang Banjar pula lebih suka duduk berkelompok sesama mereka jauh ke dalam sedikit di sepanjang panjang parit dalam satu-satu kawasan itu. Parit-parit ini adalah penting sebagai sempadan yang memisahkan kampung-kampung dalam satu-satu kawasan itu.⁶

Menjelang tahun 1947, seramai 309,000 orang-orang Indonesia telah berhijrah ke Tanah Melayu. Pola-pola penempatan mereka memperlihatkan bahawa sebilangan besar daripada mereka memilih kawasan-kawasan kediaman di mana terdapat ramai orang Melayu seperti di negeri-negeri Kedah, Kelantan, dan Trengganu. Mereka telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang penanaman padi seperti di Krian Perak.

Kedatangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ke Tanah Melayu telah meninggalkan beberapa kesan yang penting terutama dalam sistem politik dan sosial Melayu. Kesan ini begitu dirasai misalnya di Negeri Sembilan dan hasil daripada kesan inilah yang membezakan Negeri Sembilan dalam sistem sosial dan politiknya daripadanya lain-lain negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini. Penggunaan sistem adat pepatih memperlihatkan kepada kita kesan yang ditinggalkan oleh pengaruh-pengaruh Minangkabau di negeri itu.

Perasaan bebas dan tidak dikongkongi oleh pihak berkuasa adalah di antara sifat-sifat penting orang-orang Minangkabau.⁷ Apabila mereka berhijrah ke Negeri Sembilan mereka membawa bersama mereka corak kerajaan yang mempunyai unsur-unsur demokrasi dalam mana Yang DiPertuan Besar dipilih oleh lembaga undang. Struktur politik seperti ini adalah berlainan sekali daripada struktur politik di negeri-negeri Melayu yang lain yang lebih mirip kepada sistem otokerasi dan kuasa yang terpusat. Jadi dari kacamata orang-orang Negeri Sembilan, taraf Yang DiPertuan Besar tidaklah sama dengan taraf Sultan-sultan di negeri-negeri Melayu yang lain. Dari segi adat, kuasa Yang DiPertuan Besar tidaklah mutlak. Adat pepatih yang diterima daripada pengaruh Minangkabau bukan sahaja telah meninggalkan kesan kepada bentuk kerajaan tetapi juga dalam bidang sistem sosial. Pengaruh/adat pepatih ini begitu kuat dalam sistem sosial di negeri Sembilan sehingga dikatakan bahawa adat ini “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.”

Semangat ‘nasionalisme’ di kalangan orang-orang Minangkabau bermula dengan merosotnya pengaruh orang-orang Bugis. Orang-orang Bugis pernah berkuasa bukan sahaja di beberapa kawasan di Negeri Sembilan tetapi juga di beberapa negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Bahkan sebahagian besar

daripada abad 19 memperlihatkan kuasa orang-orang Bugis ke atas orang-orang Minangkabau. Menjelang tahun 1745 orang-orang Bugis telah berkuasa di negeri Selangor seperti juga di Tampin dan Jelebu di Negeri Sembilan. Di Sungai Ujong, Negeri Sembilan orang besar jajahan adalah merupakan seorang Bugis yang bergelar Klana Putra. Walau bagaimanapun setelah orang-orang Bugis dikalahkan oleh Belanda, jalan terbuka bagi orang-orang Minangkabau mengambil alih kuasa di Negeri Sembilan. Jadi pada tahun 1773 empat orang pembesar Minangkabau telah melantik seorang yang bernama Raja Melewar sebagai Yang di-Pertuan Besar yang pertama (Moorhead 1963:104). Orang yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar ini telah memperkuatkan tuntutannya sebagai Yang di-Pertuan Besar dengan mengetahui secara terperinci selok belok adat Minangkabau. Menjelang akhir abad 18, kerajaan Negeri Sembilan yang berteraskan adat pepatih telah ditubuhkan.

Organisasi masyarakat dan budaya yang berteraskan adat pepatih seperti yang terdapat di Negeri Sembilan itu tidak kedapatan di Negeri-negeri Melayu yang lain. Konsep “berada dalam adat pepatih” yang kuat dipegang oleh orang-orang Negeri Sembilan ini seolah-olah “memisahkan” mereka daripada orang-orang Melayu dari negeri-negeri yang lain.

Pada umumnya apabila kita memperkatakan tentang adat, pengertian asas mengenainya adalah merujuk kepada adat pepatih atau adat temenggong. Adat temenggong adalah merupakan sistem adat yang dipegang oleh orang-orang Melayu yang berada di luar daripada lingkungan adat pepatih. Walau bagaimanapun, para sarjana-para sarjana mengenai hukum adat Melayu telah menyarankan bahawa pada isinya kedua-dua sistem adat ini adalah sama. Perbezaan hanya terdapat pada cara-cara bagaimana adat ini dilaksanakan. Dalam soal warisan harta misalnya, kedua-dua adat ini adalah sama. Walau bagaimanapun, para sarjana mengenai hukum adat Melayu telah menyarankan bahawa pada isinya kedua-dua sistem adat ini adalah sama. Perbezaan hanya terdapat pada cara-cara bagaimana adat ini dilaksanakan. Dalam soal warisan harta misalnya, kedua-dua adat ini adalah sama. Walau bagaimanapun belum ada lagi usaha-usaha dijalankan untuk mengkaji adat temenggong dari segi isinya dan sebarang pendapat yang diberikan mengenainya tidaklah muktamad (Tylor 1948:123). Wilkinson melaporkan bahawa terdapat satu kes tanah seorang pembesar di negeri Perak yang hendak dipindahkan hak milik mengikut nisab ibu seperti yang diarahkan oleh Majlis Negeri Perak pada tahun 1886 (dipetik dari Tylor 1948). Kes ini memperlihatkan persamaan antara adat temenggong dengan adat pepatih. Apa yang membezakan Negeri Sembilan dengan negeri-negeri Melayu yang lain ialah manakala di Negeri Sembilan organisasi masyarakat dan adat yang berteraskan adat pepatih. Dalam ertikata yang lain pengaruh Minangkabau ke atas masyarakat dan budaya Negeri Sembilan adalah menyeluruh, manakala di negeri-negeri yang lain pengaruh ini tidak meresapi ke dalam sistem politik dan organisasi masyarakatnya.

Negeri Sembilan telah mengamalkan sistem perwarisan harta mengikut adat pepatih dari mula ia terbentuk sebagai sebuah negeri. Mengikut undang-undang adat seorang yang hendak menjualkan tanahnya terpaksa berbuat demikian

kepada keluarganya sendiri atau orang-orang yang sesuku dengannya sebelum menawarkannya kepada orang lain. Jadi jual beli tanah di Negeri Sembilan adalah di bawah kelolaan Lembaga dan adat. Aspek yang menarik di sini ialah dengan adanya sistem demikian tanah-tanah tidak akan terlepas kepada orang-orang bukan Melayu dan ini telah dijadikan asas Enakmen 1909 dan tiga tahun kemudian ia telah dimasukkan ke dalam Enakmen Persekutuan (Tylor 1948:51, 52).

Dalam membicarakan tentang pengaruh Minangkabau di Negeri Sembilan perlu kita ingat bahawa pengaruh ini tidaklah menyeluruh kerana terdapat juga jajahan-jajahan atau daerah-daerah yang tidak mempraktikkan organisasi politik dan sosial yang berdasarkan kepada adat pepatih. Misalnya antara tahun 1874 dan 1901 terdapat perubahan daripada adat pepatih kepada adat temenggong mengenai pewarisan harta di daerah Seremban dan Port Dickson. Ada kemungkinan juga bahawa penduduk-penduduk yang mula-mula datang adalah berasal dari Sumatra tetapi adalah diragui bahawa mereka telah memperkenalkan sistem adat pepatih di daerah-daerah ini. Ada kemungkinan juga bahawa pengamalan sistem adat pepatih terhenti menjelang campurtangan British dalam negeri-negeri Melayu pada suku akhir abad 19 (Tylor 1948:80).

Telah ditekan dahulu bahawa kelompok etnik Jawa adalah merupakan kelompok etnik yang terbesar di kalangan orang-orang Indonesia yang telah berhijrah ke Tanah Melayu. Orang-orang Jawa, dari sudut persejarahan adalah merupakan pedagang-pedagang yang telah bergiat dalam lapangan perniagaan semenjak zaman kesultanan Melaka. Berbeza daripada orang-orang Minangkabau dan Bugis, orang-orang Jawa tidak campurtangan dalam hal ehwal politik negeri-negeri Melayu. Ini tidaklah pula bererti bahawa pengaruh mereka tidak dirasai dalam bidang-bidang yang lain. Beberapa aspek dalam budaya mereka seperti wayang kulit dan kuda *kepang* misalnya, masih lagi merupakan tinggalan-tinggalan daripada kesan pengaruh Jawa dalam budaya Melayu.

Dalam satu kajilidikan yang dijalankan di Kampung Baharu Kuala Lumpur pada tahun 1976-1977, adalah didapati bahawa orang-orang Jawa pada masa sekarang telah banyak meninggalkan amalan-amalan mereka di Tanah Jawa seperti upacara *slametan*.⁸ Walau bagaimanapun terdapat juga orang-orang Jawa di Kampung Bahru ini yang menghidangkan “nasi ambang” apabila mereka mengadakan majlis kenduri seperti yang biasa mereka lakukan di Tanah Jawa. Mengikut seorang responden, tujuan menghidangkan “nasi ambang” dalam majlis kenduri ini ialah untuk membolehkan lebih ramai lagi orang-orang menikmatinya. Kenduri yang menghidangkan “nasi ambang” ini juga bukanlah terhad kepada masyarakat Jawa sahaja tetapi lain-lain kelompok etnik yang berugama Islam juga dijemput hadir. Dalam kenduri demikian selepas pembacaan doa mereka yang hadir akan menjamah sedikit makanan yang dihidangkan dalam satu dulang yang dikongsi oleh empat atau lima orang dan kemudian membungkus makanan yang lebih untuk dibawa pulang. Hidangan “nasi ambang” ini memerlukan lebih banyak belanja daripada hidangan biasa dan oleh sebab itu tidak semua orang Jawa di Kampung Baharu mampu

menyediakannya.

Usaha-usaha untuk mempertahankan budaya Jawa ini dilakukan melalui persatuan-persatuan. Untuk orang-orang Jawa tempatan mereka boleh menganggotai persatuan-persatuan seperti Persatuan Seni Budaya dan Kebajikan Kuala Lumpur dan Persatuan Jawa Peranakan Selangor. Selain daripada bertujuan untuk menyemaikan nilai-nilai keislaman, Persatuan Seni Budaya dan Kebajikan cuba memperkembangkan budaya Jawa seperti mengajar ahli-ahlinya Seni Silat dan Kuda Kepang. Persatuan ini juga berfungsi sebagai persatuan kebajikan yang mengadakan perkhidmatan gotong royong dan memberi bantuan-bantuan kewangan apabila terjadi kematian atau apabila mengadakan majlis-majlis perkahwinan.

Persatuan Jawa Peranakan Selangor yang ditubuhkan pada tahun 1922 adalah merupakan satu pertubuhan Jawa yang kuat. Seperti juga Persatuan Seni Budaya dan Kebajikan, Kuala Lumpur, persatuan ini juga cuba menanamkan nilai-nilai keislaman kepada ahli-ahlinya di samping berfungsi sebagai persatuan kebajikan. Satu daripada kegiatan-kegiatan persatuan ini ialah mengajar bahasa Jawa dan memperluaskan kegunaannya.⁹

Keris memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan budaya Melayu. Mungkin juga minat orang-orang Melayu terhadap kris adalah hasil daripada pengaruh orang-orang Jawa. Telah juga disarankan bahawa kris berasal dari Tanah Jawa dan sejarahnya bermula dari abad 14 (A.H. Hill 1956:18). Sejarah menunjukkan bahawa orang-orang Melayu telah menggunakan keris sejak dari zaman kesultanan Melaka dan peranan penting keris sehingga hari ini ialah ia melambangkan kuasa. Keris memainkan peranan penting dalam upacara-upacara istana manakala rakyat biasa berpeluang memakainya dalam majlis perkahwinan.

Dalam zaman kesultanan Melaka, keris juga melambangkan status. Mengikut undang-undang Melaka yang dikuatkuasakan awal abad 15, hanya orang-orang istana sahaja yang boleh memakai keris yang berulukan emas manakala hanya sultan sahaja yang boleh memakai keris yang bersarungkan emas. Cara memakai keris juga boleh memperlihatkan tujuan orang yang memakainya. Sekiranya hujung ulu keris diarahkan kepada orang memakainya ini bertujuan baik. Sebaliknya kalau ulu keris ini diarah keluar ini menandakan permusuhan (A.H. Hill 1956:48).

Bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa ada kemungkinan keris berasal dari Tanah Jawa. Mengikut para ilmuan mengenai keris, keris adalah sebahagian daripada budaya Indonesia. Keris dan wayang kulit juga dikatakan sebagai unsur-unsur yang penting dalam budaya Jawa (A. Hill: 1956:31-32). Walaupun ada pengaruh-pengaruh Bugis dalam kebanyakan jenis keris yang dipakai, namun demikian cara pemakaiannya tidak dapat lari daripada pengaruh-pengaruh Jawa

III

Disebabkan persamaan dari segi agama dan kebudayaan tidaklah menghairankan bahawa kawasan-kawasan kediaman yang dipilih oleh

kelompok-kelompok etnik Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu ialah kawasan-kawasan yang berhampiran dengan orang-orang Melayu atau dalam kawasan-kawasan kediaman orang-orang Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun sekiranya mereka ada pilihan, mereka akan berkelompok sesama kelompok etnik mereka sendiri seperti di Lembah Hulu Langat dalam negeri Selangor.¹⁰ Di Kampung Baharu pula terdapat juga pola-pola pemisahan antara orang-orang Melayu tempatan dengan kelompok-kelompok etnik Indonesia secara yang paling longgar. Misalnya orang-orang Jawa lebih tertumpu di kawasan Kampung Paya di bahagian selatan Kampung Baharu dan kawasan-kawasan sekitarannya. Pemisahan antara kelompok-kelompok etnik seperti Boyan, Bugis atau Banjar ataupun antara mereka dengan orang-orang Melayu tempatan agak sukar ditentukan kerana bilangan mereka adalah kecil. Orang-orang Minangkabau secara keseluruhannya lebih tertumpu dalam bidang perniagaan dan menduduki kawasan-kawasan di sekitar Pasar Minggu.

Walaupun telah disebut mengenai gejala pemisahan di kalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia atau di antara mereka dengan orang-orang Melayu tempatan namun demikian mereka menekankan bahawa pemisahan secara yang paling longgar ini hanya secara kebetulan sahaja. Mereka tetap mempunyai hubungan yang rapat kerana seagama dan mempunyai kebudayaan yang sama. Faktor **agama** inilah yang mengikat mereka selain daripada bahasa iaitu bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka. Dialek-dialek kedaerahannya hanya digunakan oleh kelompok-kelompok etnik Indonesia ini di tempat-tempat dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja. Persamaan **agama** ini juga membolehkan kahwin campuran berlaku di antara kelompok-kelompok etnik Indonesia ini dengan orang-orang Melayu tempatan.¹¹

Sungguhpun penyesuaian ke dalam masyarakat tempatan tidak menjadi masalah besar kepada kelompok-kelompok etnik Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu, namun demikian terdapat institusi-institusi yang memudahkan mereka untuk menghadapi masalah yang mungkin timbul. Persatuan-persatuan Jawa yang telah diperkatakan dahulu adalah merupakan satu contoh institusi-institusi ini. Sungguhpun tidak terdapat persatuan-persatuan formal di kalangan orang-orang Minangkabau, terdapat juga pengelompokan di kalangan mereka berdasarkan kepada daerah-daerah dari mana mereka berasal seperti Minangkabau Bukit Tinggi atau Minangkabau Periaman.

Di kalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia yang lebih kecil, kelompok-kelompok etnik Boyanlah yang mempunyai organisasi yang agak tersusun bagi menghadapi masalah-masalah yang timbul akibat daripada penghijrahan ke tempat yang baharu. Seperti yang telah ditekankan dahulu, sebilangan besar daripada orang-orang Boyan yang berhijrah ke Tanah Melayu bertumpu ke kawasan-kawasan bandar di mana terdapat banyak cabaran baik dari segi peluang-peluang pekerjaan, tempat kediaman dan masalah-masalah kebijakan terutama kepada penghijrah-penghijrah yang baru sampai ke bandar. Di Tanah Melayu orang-orang Boyan terkenal dengan institusi pondoknya yang pada keseluruhannya berfungsi sebagai persatuan kebijakan seperti juga persatuan-persatuan kebijakan di kalangan orang-orang Jawa yang telah

disentuh dahulu. Tujuan utama pondok ini ialah untuk menjaga kebajikan ahli terutama mereka yang baharu berhijrah ke bandar.¹²

Di dalam sebuah pondok Boyan terdapat seorang ketua yang dikenal sebagai Pak Lurah. Seperti juga dalam persatuan-persatuan lain, ahli-ahli dalam sebuah pondok Boyan perlu membayar yuran yang jumlahnya bergantung kepada kepada kemampuan ahli. Lurah-lurah dari berbagai-bagai pondok serta penolong-penolong mereka akan bertemu sekiranya ada peristiwa-peristiwa penting.¹³ Pondok-pondok ini dikenal dengan berbagai-bagai nama mengikut tempat-tempat asal dari mana ahli-ahlinya datang seperti Pondok Baginda, Pondok Sekaoneng, Pondok Pakalongan, Pondok Pakerpung, Pondok Sungai Terta dan sebagainya.

Pondok Pakalongan merupakan pondok boyan yang terbesar dan terletak di kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Terdapat dua pondok yang lain di kawasan Datuk Keramat ini iaitu Pondok Gunung Malang dan Pondok Beluar. Di Kampung Datuk Keramat ini pondok ditadbirkan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada seorang Yang di Pertua, Timbalan Yang di Pertua, Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha Kehormat, Bendahari dan beberapa orang ahli jawatankuasa. Bagi Pondok Pakalongan terdapat juga seorang pegawai penerangan. Mereka memegang jawatan selama satu tahun. Yang di Pertua ini juga bertindak sebagai Pak Lurah iaitu ketua dalam sebuah pondok itu. Antara lain dia bertindak sebagai penasihat dalam hal-hal seperti perkahwinan atau kenduri kendara dan menyelesaikan pertelingkahan antara ahli-ahli dalam pondoknya atau antara ahli-ahli dalam pondoknya dengan ahli-ahli dari pondok-pondok yang lain. Walaupun pada teorinya ahli-ahli jawatankuasa sesebuah pondok itu memegang jawatan selama satu tahun, pada praktiknya seorang Pak Lurah memegang jawatannya sehingga dia mengundurkan diri.

Selain daripada menyediakan tempat kediaman sementara bagi penghijrah-penghijrah, sebuah pondok itu penting untuk menjaga hal ehwal kebajikan ahli-ahlinya. Bantuan-bantuan dalam bentuk kewangan kepada ahli-ahli apabila terjadi kematian misalnya tidaklah sama dalam semua pondok. Bagi pondok Pakalongan, keluarga simati diberi bantuan sebanyak \$503-. Bagi pondok Gunung Malang pula, bantuan sebanyak \$70/- diberikan sekiranya kematian berlaku di kalangan anak ahli-ahli yang berumur di bawah 21 tahun. Sekiranya ahli atau isterinya meninggal keluarga simati diberi bantuan sebanyak \$120/-. Bagi Pondok Beluar bantuan maksimum sebanyak \$70/- diberikan sekiranya ahli atau isterinya meninggal. Sekiranya anak lelaki di bawah umur 18 tahun atau anak perempuan di bawah umur 21 tahun meninggal keluarga simati diberi bantuan sebanyak \$50/-. Bantuan minimum sebanyak \$35/- diberikan apabila bapa, emak atau mertua ahli meninggal sekiranya mereka diam bersama ahli sebelum meninggal (Abdullah Al-Hadi 1979 88-144).

Dalam Proses penyesuaian orang-orang Boyan yang berhijrah ke Tanah Melayu institusi pondok memainkan peranan yang penting. Sebuah pondok itu penting untuk menemukan orang-orang Boyan bukan sahaja di sekitar satu-satu kawasan itu tetapi juga dari kawasan-kawasan yang berhampiran. Penemuan

ini berlaku di kalangan orang-orang Boyan yang berasal dari tempat yang sama di negeri asal mereka. Sebuah pondok Boyan di Tanah Melayu ini juga akan mengadakan hubungan yang rapat dengan negeri asal mereka dalam memberikan bantuan kewangan untuk membina masjid, surau, jambatan dan sebagainya. Pondok juga penting sebagai sebuah tempat untuk mencari kaum kerabat atau kenalan-kenalan yang baharu berhijrah ke Tanah Melayu.

Pada keseluruhannya orang-orang Boyan seperti juga kelompok-kelompok etnik yang lain telah dapat menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat tempatan. Mengikut seorang responden Boyan di Kampung Baharu, terdapat kecenderungan di kalangan orang-orang Boyan untuk 'memboyangkan' nama-nama Melayu¹⁴ seperti di bawah.

<i>Nama-nama Melayu</i>	<i>Nama-nama Boyan</i>
Ahmad	Ammak
Ibrahim	Being
Hassan	Chak Chang
Abd. Rahman	Makmang
Aishah	Icuk
Saniah	Niuk
Mohammad	Makmak
Mansor	Encong
Yusof	Ucuk

Mengikut responden ini juga, dia tidak menghadapi sebarang masalah dalam menyesuaikan dirinya dengan masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun dia merasa lebih rapat dengan orang-orang Jawa. Mengikut catatannya (daripada nota yang bertaip) adat orang-orang Boyan mempunyai banyak persamaan dengan adat orang-orang Melayu dan Jawa. Lain-lain butir yang terkandung dalam catatannya ialah jurai keturunan pemimpin-pemimpin Islam di Pulau Boyan serta adat istiadat orang-orang Boyan. Mereka juga tidak memutuskan hubungan dengan keluarga-keluarga di negeri asal mereka. Terutama di kalangan orang-orang Minangkabau, mereka selalu berulang alik dari Tanah Melayu ke tempat asal mereka kerana terdapat kemudahan-kemudahan pengangkutan seperti perkhidmatan feri.¹⁵

PENUTUP DAN PERBINCANGAN

Adalah sukar untuk menentukan setakat manakah kelompok-kelompok etnik Indonesia yang telah berhijrah ke Tanah Melayu telah mempengaruhi masyarakat Melayu terutama dari segi budaya ataupun setakat mana mereka telah dipengaruhi oleh budaya Melayu sendiri. Satu kajian yang menyeluruh perlu dilakukan supaya satu gambaran yang lebih jelas dapat dibuat. Kita telah lihat bagaimana kelompok-kelompok etnik Indonesia ini menyesuaikan diri mereka apabila berhijrah ke Tanah Melayu dan satu daripada caranya ialah dengan menubuhkan persatuan-persatuan sukarela untuk kebajikan ahli-ahlinya.

Mengenai proses penyesuaian, satu perkara menarik ialah apabila orang-orang Minangkabau berhijrah ke Negeri Sembilan mereka tidak mengambil aspek-aspek budaya Melayu tempatan untuk disesuaikan dengan budaya mereka. Sebaliknya pula mereka menonjolkan adat Minangkabau mereka ke dalam masyarakat dan budaya tempatan. Akhirnya masyarakat Melayu tempatan menerima sistem adat pepatih ini dan dijadikan asas dalam sistem politik dan sosial mereka. Ada juga dikatakan bahawa sistem adat yang dipegang oleh orang-orang Melayu di luar daripada lingkungan adat pepatih iaitu adat temenggong mempunyai isi yang sama seperti adat pepatih. Kalau ini benar, maka timbul satu persoalan: Apa sebenarnya adat Melayu? Keadaan seolah-olah memperlihatkan bahawa orang-orang Melayu tempatan hanya menerima dan tidak ada apa-apa yang hendak diberikan kepada penghijrah-penghijrah ini. Ini bukanlah merupakan satu persoalan yang mudah hendak dijawab kerana pengetahuan kita mengenai adat temenggong yang dipegang oleh orang-orang Melayu di luar daripada lingkungan adat pepatih masih kabur. Belum ada usaha-usaha yang gigih dijalankan untuk mengkaji adat temenggong seperti yang dilakukan kepada ada pepatih.¹⁶

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa dalam proses penyesuaian kelompok-kelompok etnik Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu, beberapa perkara penting perlu diambil kira:

1. Kelompok-kelompok etnik Indonesia dan orang-orang Melayu tempatan telah mengadakan perhubungan sesama mereka sejak berabad-abad yang lalu;
2. Sungguhpun kelompok-kelompok etnik Indonesia telah menyesuaikan diri dengan masyarakat dan budaya Melayu tempatan, mereka tidak memutuskan perhubungan mereka dengan tempat asal mereka. Agama dan bahasalah yang menjalinkan perhubungan yang rapat antara kelompok-kelompok etnik Indonesia dengan orang-orang Melayu tempatan;
3. Cara-cara mereka menyesuaikan diri dengan orang-orang Melayu tempatan juga adalah bergantung kepada keadaan. Sekiranya bilangan mereka besar, sedikit sebanyak terdapat juga pengelompokan sesama mereka dan ‘pemisahan’ dengan orang-orang Melayu tempatan. Rapat atau renggangnya mereka dengan orang-orang Melayu tempatan juga bergantung kepada sama ada terdapat atau tidaknya kelompok-kelompok etnik yang lain di sekeliling mereka seperti kelompok Cina dan India. Sekiranya terdapat kelompok Cina dan India dan bilangan mereka agak besar, maka ada kecenderungan untuk kelompok etnik Indonesia itu berhubung rapat dengan orang-orang Melayu tempatan.
4. Adalah sukar untuk menentukan pengaruh kelompok-kelompok etnik Indonesia ini kepada masyarakat dan budaya Melayu. Sementara pengaruh orang-orang Minangkabau agak ketara, maka tidaklah begitu keadaannya dengan pengaruh dari kelompok-kelompok etnik Indonesia yang lain.

CATATAN

¹Semua rujukan mengenai Kampung Bahru, Kuala Lumpur dalam makalah ini adalah berdasarkan kepada kajilidikan yang dijalankan pada tahun 1976-77. Kajilidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

²Lain-lain di sini adalah bermaksud kelompok-kelompok etnik selain daripada Melayu, Cina dan India. Lihat Banci Penduduk dan Perumahan, 1980.

³Kecatangan orang-orang Jawa secara beramai-ramai berlaku menerusi organisasi pengambilan buruh-buruh kontrak dan ini merupakan titik permulaan kedatangan mereka secara beramai-ramai ke Tanah Melayu. Kehadiran buruh Jawa di Tanah Melayu telah dilaporkan pada tahun 1860 apabila mereka diambil bekerja di ladang ubi seluas 700 ekar di Balik Pulau dekat Pulau Pinang. Mereka juga dilaporkan bekerja di ladang tebu dalam daerah Krian di Perak pada tahun 1883. Tugas mereka ialah membersihkan kawasan hutan (Lihat T. Shamsul: 1964:82). Adalah juga dilaporkan bahawa orang-orang Jawa diupah oleh seorang besar jajahan di Perak untuk membuat kerja-kerja yang memerlukan kemahiran dan tenaga yang banyak pada tahun 1975 (Lihat Gullick: 1965:107).

⁴Mengikut seorang responden dalam satu kajilidikan di Kampung Baharu pada tahun 1976-77, orang-orang Boyan memang suka dengan kuda dan kuda memainkan peranan penting dalam bidang pengangkutan di Pulau Boyan.

⁵Kebanyakan daripada kelompok-kelompok etnik Indonesia ini melibatkan diri dalam bidang pertanian seperti amalan mereka di tempat asal mereka. Ramai orang-orang Banjar yang melibatkan diri sebagai pesawah manakala orang-orang Aceh pula lebih tertarik untuk menanam lada hitam dan orang-orang Bugis pula cuba mengusahakan penanaman gambir (Kennedy: 1960:59).

⁶Dalam kajilidikan di Kampung Baharu, Kuala Lumpur adalah didapati bahawa orang-orang Jawa lebih tertumpu di Kampung Paya sebelah selatan dan kawasan-kawasan sekitarannya. Seorang penduduk mengatakan bahawa dia ada menyimpan satu 'daftar' nama orang-orang Jawa yang datang untuk menduduki kawasan ini. Adalah didapati bahawa dalam 'daftar' ini terdapat nama-nama serta nombor-nombor kad pengenalan orang-orang yang menduduki kawasan ini.

⁷Dalam sejarah migrasi orang-orang Indonesia ke Tanah Melayu, satu perkara menarik mengenai orang-orang Minangkabau ialah mereka tidak berminat untuk diambil bekerja melalui saluran-saluran rasmi seperti pengambilan orang-orang Jawa dan lain-lain kelompok etnik Indonesia secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang-ladang getah. Tidaklah jelas mengapa perkara demikian berlaku tetapi beberapa orang responden Minangkabau yang ditemui semasa kajilidikan di Kg. Baharu menekankan bahawa orang-orang Minangkabau tidak suka terikat dengan pihak-pihak berkuasa. Mereka lebih suka merantau secara bersendirian dan bekerja sendiri terutama dalam bidang perniagaan. Seorang Minangkabau dari Solok Padang mengatakan bahawa dia telah menjalankan perniagaan di kedai makan di Telok Kuantan Indonesia pada tahun 1925 sebelum berhijrah ke Kg. Baharu. Dia telah bermiaga sejak kecil lagi. Di Kg. Baharu dia telah bermiaga sejak 10 tahun yang lalu. Seorang Minangkabau yang bermiaga songkok pula mengatakan bahawa dia telah memulakan perniagaannya dengan modal yang kecil di Sumatra pada tahun 1929. Orang-orang Minangkabau lain yang ditemui juga menekankan bahawa orang-orang Minangkabau suka bebas bekerja sendiri tanpa terikat dengan mana-mana pihak.

⁸Untuk keterangan lanjut mengenai slametan lihat Geertz (1960:11-15; 30-85).

⁹Dalam kajilidikan di Kampung Baharu ini adalah didapati bahawa minat terhadap seni kebudayaan Jawa seperti dalam seni tari, lagu dan penggunaan bahasa Jawa masih kuat. Di rumah seorang responden didapati tersimpan alat-alat muzik orang-orang Jawa yang digunakan dalam tarian dan silat. Setakat mana seni kebudayaan Jawa ini telah mempengaruhi masyarakat tempatan sukarlah hendak diukur walaupun ramai orang-orang Melayu serta kelompok-kelompok etnik yang lain terlibat dalam mempelajarinya. Bahasa Jawa, misalnya dipelajari juga oleh orang-orang yang bukan Jawa.

¹⁰Satu kajian di kawasan Lembah Hulu Langat menunjukkan bahawa orang-orang yang mula-mula menduduki kawasan ini ialah Minangkabau dan Mandailing. Kemudian datang kelompok-

kelompok etnik lain seperti Korinchi, Jawa dan kelompok-kelompok etnik dari Palembang. Orang-orang Korinchi ditempatkan dalam dua kawasan iaitu Sg. Gahal dan Sg. Lui. Orang-orang Palembang ditempatkan di Kuala Perdek manakala orang-orang Jawa ditempatkan di Kg. Jawa. Jadi terdapat juga pemisahan di kalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ini dari segi-tempat kediaman. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemilihan tempat kediaman adalah juga berdasarkan pertalian keluarga atau kenalan. Misalnya kawasan kediaman orang-orang Korinchi yang mula-mula muncul di Kuala Ponson pada tahun 1922 telah bertambah dari 12 keluarga menjadi 34 keluarga pada tahun 1962. Di kalangan satu-satu kelompok etnik itu sendiri terdapat juga pengelompokan berdasarkan kepada daerah dari mana mereka berasal. Misalnya orang-orang Minangkabau dari Batang kapas di Sumatra Barat mendiami kawasan Bukit Raya manakala orang-orang Minangkabau dari Lubuk Kapin di Bukit Tinggi pula mendiami kawasan Lubuk Kelubi. (lihat T. Shamsul 1964).

¹¹Dalam kes Kampung Baharu, kedatangan kelompok-kelompok etnik dari Indonesia ini telah berlaku sejak awal tahun 1900an lagi. Jadi tidak timbul masalah penyesuaian dengan masyarakat tempatan. Kajian di Kampung Baharu menunjukkan bahawa kahwin campuran berlaku terutama di kalangan kelompok-kelompok etnik yang ramai seperti Melayu, Jawa dan Minangkabau. Daripada 106 kahwin campuran di kalangan orang-orang Jawa yang diselidiki 70 berlaku dengan orang-orang Melayu dan 22 dengan orang-orang Minangkabau. Daripada 74 kahwin sampuran di kalangan orang-orang Minangkabau, 42 berlaku dengan orang-orang Melayu. Jadi lebih daripada 50% kahwin campuran di kalangan orang-orang Jawa dan Minangkabau berlaku dengan orang-orang Melayu. Hanya lebih sedikit daripada 20% kahwin campuran di kalangan orang-orang Jawa berlaku dengan orang-orang Minangkabau manakala lebih sedikit daripada 29% kahwin campuran di kalangan orang-orang Minangkabau berlaku dengan orang-orang Jawa. Kahwin campuran juga berlaku di kalangan kelompok-kelompok etnik yang lebih kecil bilangannya. Daripada 13 kahwin campuran yang berlaku di kalangan orang-orang Banjar, 6 berlaku dengan orang-orang Melayu iaitu lebih sedikit daripada 46% jumlah kahwin campuran di kalangan orang-orang Banjar. Daripada 28 kahwin campuran di kalangan orang-orang Bugis, 10 atau lebih sedikit daripada 38% berlaku dengan orang-orang Melayu. Daripada 13 kahwin campuran di kalangan Mandailing, 5 atau lebih sedikit daripada 38% berlaku dengan orang-orang Melayu. Daripada 7 kahwin campuran di kalangan orang-orang Boyan, 4 atau lebih sedikit daripada 57% berlaku dengan orang-orang Melayu. Ketidaaan data menyukarkan untuk membuat generalisasi yang lebih luas mengenai kahwin campuran ini.

¹²Mengikut seorang responden yang ditemubual semasa kajilidikan di Kampung Baharu terdapat 138 buah pondok Boyan di Singapura pada satu masa dahulu (tarikh tidak diberitahu). Di sekitar Kuala Lumpur terdapat pondok-pondok Boyan di Kampung Pandan, Lumba Kuda, Segambut, Sungai Pencala dan Kampung Datuk Keramat. Lihat Abdullah Al-Hadi (1979) mengenai organisasi serta fungsi pondok Boyan di Kampung Datuk Keramat. Lihat juga Roff (1967: 179-180) mengenai organisasi serta fungsi pondok-pondok Boyan di Singapura.

¹³Mengikut seorang responden yang ditemubual semasa kajilidikan di Kampung Baharu, satu perjumpaan di antara pondok-pondok telah diadakan di Selangor pada tahun 1956 dan di Singapura pada tahun 1966 dalam mana antara lain diadakan pertandingan sukan.

¹⁴Keterangan ini diberikannya berdasarkan nota-nota bertaip dalam simpanan responden yang ditemubual.

¹⁵Mengikut keterangan seorang responden Boyan, pada tahun 1934, perjalanan antara Tanah Melayu atau Singapura ke Pulau Boyan tidak memerlukan surat-surat perjalanan. Pada masa itu tambang dari Singapura ke Tanjung Periorek di Jakarta ialah \$50.00 seorang (kelas deck) dan perjalanan memakan masa dua hari. Sekarang sudah ada kemudahan-kemudahan yang lebih selesa dan perjalanan hanya memakan masa beberapa jam sahaja. Secara kebetulan semasa kajilidikan dijalankan seorang Minangkabau bercadang untuk balik ke Sumatra keesokan harinya. Sehari sebelum dia bertolak dia telah bertemu dengan orang-orang Minangkabau yang lain dan bertanya kalau ada apa-apa berita atau wang yang hendak dikirimkan kepada kaum keluarga di Sumatra. Kelihatan beberapa keping sampul surat diserahkan kepadanya. Beginilah satu cara bagaimana perhubungan dilakukan antara orang-orang Minangkabau tempatan dengan kaum keluarga atau

sahabat handai di tempat asal mereka.

¹⁶ Mengikut Perlembagaan Malaysia Perkara 160(2) syarat-syarat seseorang yang hendak jadi Melayu ialah dia berugama Islam, berbahasa Melayu dan beradat istiadat Melayu. Ada upacara rasmi untuk mengislamkan seseorang yang belum Islam dan ada juga cara-cara menentukan kefasihan seseorang berbahasa Melayu. Akan tetapi tidak ada cara-cara untuk menentukan seseorang itu mengetahui adat istiadat Melayu. Apa yang ditekankan ialah seorang yang sudah memeluk agama Islam perlulah memperaktikkan amalan-amalan yang berlandaskan kepada Islam.

RUJUKAN

1. Abdullah al Hadi. 1979. Pondok sebagai Satu Pernyataan Identiti Etnik Orang-orang Bawean: *Satu Kajian Kes Di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur*, Tesis B.A. (tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
2. Josselin de Jong, P.E. de, 1960. Islam versus Adat in Negeri Sembilan (Malaya). *Bijdragen Tot de Taal-land-on Volkenkunde*. Deel 116, 's-Gravenhage, Martinus Nijhoff.
3. Gullick, J.M. 1969. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: The Athlone Press.
4. Hill, A.H. 1956. The Keris and other Malay Weapons Origins and Early History. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, **29**: 4 No. 176.
5. Moorhead, F.J. 1963. *A History of Malaya* Vol. II Malaya. Longmens of Malaya.
6. Ramsay, A.B. 1956. Indonesians in Malaya. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, **29**: 1.
7. Taylor, E.N. 1948. Inheritance in Negeri Sembilan Historical Outline *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, **21**: 2.
8. Geertz, C. 1960. *The Religion of Java*. Illinois: The Free Press of Glencoe.
9. Roff, W.R. 1969. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
10. Shamsul, T. 1964. Indonesian Labor Migration in Malaya. Tesis M.A. Diserahkan kepada Universiti Sheffield, England.
11. 1970 *Population and Housing Census of Malaysia Community Groups*. Kuala Lumpur. Jabatan Perangkaan Malaysia.
12. *The Federal Constitution*. Kuala Lumpur: The Government Printer.

